



## Kenyataan Dasar

1/2023

Tarikh: 21 Julai 2023

### Perkembangan Ekonomi Global Dan Serantau

1. Laporan World Economic Outlook yang diterbitkan oleh International Monetary Fund (IMF) pada bulan April 2023 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2023 pada kadar 2.8%, lebih rendah daripada 3.4% yang dicatat pada tahun 2022, sebelum meningkat kepada 3.0% bagi tahun 2024. Prospek pertumbuhan ekonomi global akan tertakluk kepada risiko kemelesatan ekonomi mengambil kira keadaan kewangan global yang lebih ketat; peningkatan risiko kepada kestabilan sektor kewangan; kadar inflasi yang masih tinggi; dan kesan negatif daripada ketegangan geopolitik dan pembelahan geoekonomi.
2. Pasaran komoditi juga terjejas oleh risiko-risiko yang tersebut di atas. Walaupun negara-negara anggota Organization of the Petroleum Exporting Countries Plus (OPEC+) merancang untuk mengurangkan lagi pengeluaran minyak pada bulan Julai 2023 bagi menstabilkan harga minyak, keimbangan terhadap kelembapan ekonomi global dan pemulihan ekonomi China yang kurang memberangsangkan telah menyumbang kepada tren penurunan harga minyak bagi tahun 2023. Halatuju harga minyak akan terus bergantung kepada beberapa faktor seperti kadar pemulihan ekonomi global, faktor geopolitik, dan perkembangan tahap pengeluaran minyak OPEC+. Harga gas cecair asli juga telah menurun sejak Disember 2022. Antara faktor-faktor penentu harga gas cecair asli adalah tahap simpanan gas dan permintaan yang dijangka akan pulih menjelang separuh kedua 2023; serta gangguan bekalan gas di Eropah yang berpotensi untuk mengimbangi impak peningkatan dalam pengeluaran gas global.
3. Sejak tahun 2022, bank-bank pusat telah mengetatkan dasar monetari secara lebih agresif untuk mengawal kadar inflasi. Walaupun langkah-langkah pengetatan dasar monetari berkemungkinan

akan berakhir, kadar faedah dijangka akan kekal tinggi secara berterusan, yang akan meningkatkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi.

### Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Ekonomi domestik telah mencatatkan penurunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 1.6% pada tahun 2022. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncutan Sektor Minyak dan Gas sebanyak 6.2% mengambil kira penurunan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas, dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG). Manakala, Sektor Bukan Minyak dan Gas meningkat sebanyak 3.1% tahun-ke-tahun, dengan kenaikan tertinggi dalam Sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3%, dan Sektor Industri Bukan Minyak dan Gas sebanyak 1.5%. Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan pula telah menguncup sebanyak 3.3%.
5. Memandang ke hadapan, ekonomi Negara Brunei Darussalam dijangka akan bertambah baik pada tahun 2023, didukung oleh projek-projek pelaburan langsung asing yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko penurunan dengan jangkaan permintaan global yang lebih perlahan, tahap pengeluaran minyak mentah dan LNG yang lebih rendah, dan ketidakpastian dalam pasaran minyak. Sektor swasta mencatatkan sentimen sedikit pesimistik dengan Indeks Sentimen Perniagaan (BSI) secara purata bagi lima bulan pertama tahun 2023 pada tahap 49.9. Walau bagaimanapun, sebahagian perniagaan kekal optimistik bagi masa terdekat dan merancang untuk menambah jumlah pekerja dan meningkatkan tahap pelaburan.
6. Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan lebih perlahan pada kadar 0.8% tahun-ke-tahun bagi empat bulan pertama 2023 berbanding kenaikan 3.4% tahun-ke-tahun pada tempoh yang sama pada tahun 2022. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan harga Makanan seperti Daging, Beras dan Bijirin; dan harga barang Bukan Makanan seperti Perkhidmatan Katering. Harga beberapa barang kekal tinggi disebabkan oleh gangguan aliran perdagangan di beberapa buah negara yang telah menyumbang kepada kenaikan kos logistik dan harga komoditi. Secara amnya, tekanan harga global dijangka akan menurun pada tahun 2023 disebabkan oleh pengetatan dasar monetari yang berterusan dan pemulihan rantai bekalan secara beransur-ansur.
7. Monetary Authority of Singapore (MAS) telah mengetatkan dasar monetari sepanjang tahun 2022. Mengambil kira dasar monetari Negara Brunei Darussalam dan persamaan nilai dolar Brunei dengan nilai dolar Singapura, beberapa langkah pengetatan dasar monetari yang dilaksanakan oleh MAS telah mengurangkan impak kadar inflasi yang diimport ke atas harga Negara Brunei Darussalam.

Menurut kenyataan dasar monetari pada bulan April 2023, MAS telah mengekalkan tahap dasar monetarinya memandangkan kesan daripada pengetatan dasar monetari terdahulu masih mempunyai impak terhadap ekonomi dan dijangka akan mengurangkan lagi kadar inflasi. Dengan faktor-faktor tersebut serta data IHP terkini, BDCB mengunjurkan kadar inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023 dalam lingkungan 1.0% hingga 2.0%.

#### **Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam**

8. Selaras dengan persekitaran kadar faedah yang meningkat dan untuk menggalakkan aktiviti pasaran wang domestik, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari [FMSC] telah menaikkan kadar Pinjaman Semalaman (*Overnight Standing Facility*) BDCB pada bulan Februari dan Mac 2023, masing-masing pada kadar 50 mata asas (*basis point*). Ini membawa Kadar Pinjaman kemudahan tersebut kepada 4.0%, manakala Kadar Simpanan kekal pada 1.5% setakat hujung bulan Jun 2023. Ini adalah untuk memastikan operasi monetari BDCB kekal selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang (*Currency Board principles*). Pihak FMSC akan sentiasa memastikan tahap kecairan yang mencukupi untuk mendukung keberkesanan sistem kewangan domestik.
9. Pada suku pertama tahun 2023, sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional, telah merekodkan penurunan sebanyak 0.3% tahun-ke-tahun dengan nilai aset keseluruhan sebanyak BND23.9 bilion, di mana BND14.1 bilion (59.1%) merupakan aset kewangan Islam. Institusi-institusi penerima deposit pula menyumbang sebanyak 91.9% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset berjumlah BND21.9 bilion.
10. Berdasarkan analisis dan penilaian *macro-prudential* BDCB bagi suku pertama tahun 2023, kedudukan modal industri perbankan kekal berdaya tahan dan stabil dengan agregat Nisbah Kecukupan Modal (*Capital Adequacy Ratio*) sebanyak 21.3% – iaitu melebihi keperluan minimum 10.0% seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Perbankan, 2006, dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Industri perbankan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk mendukung aktiviti-aktiviti perantaraan kewangan dengan Nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan (*Liquid Assets-to-Total Assets*) sebanyak 48.1% pada suku tahun pertama 2023. Jumlah keseluruhan aset industri perbankan telah meningkat sebanyak 1.2% tahun-ke-tahun kepada BND20.0 bilion, antaralainnya disumbangkan oleh peningkatan penempatan di luar negara. Pada masa yang sama, deposit industri perbankan juga turut meningkat sebanyak 0.8% tahun-ke-tahun kepada BND16.9 bilion, terutamanya bagi simpanan bertempoh (*time deposits*). Selain itu, pulangan keuntungan dari industri perbankan juga

turut meningkat di mana agregat Nisbah Pulangan kepada Aset (*Return on Assets*) dan Pulangan kepada Ekuiti (*Return on Equity*) masing-masing meningkat pada kadar 2.2% dan 14.7%, didorong oleh persekitaran kadar faedah/keuntungan yang meningkat.

11. Bank-bank telah membekalkan aliran kredit secara berterusan kepada ekonomi dengan peningkatan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan sebanyak 1.9% tahun-ke-tahun kepada BND6.3 bilion pada suku pertama tahun 2023. Peningkatan ini terutamanya disumbang oleh pinjaman/pembiayaan Sektor Perniagaan khususnya Sektor Pembuatan. Sementara itu, kualiti aset bagi industri perbankan telah menurun pada suku pertama tahun 2023 dengan Nisbah Pinjaman/Pembiayaan Tertunggak Bersih (*Non-Performing Loans/Financing*) pada 1.9%, berbanding dengan 1.7% bagi suku pertama tahun 2022.
12. Selaras dengan komitmen BDCB untuk mengurus dan mengurangkan risiko sistemik dalam sektor kewangan, *Domestic Systemically Important Banks* [D-SIBs] yang dikenal pasti bagi tahun 2023 telah dikenakan dasar tambahan, termasuk keperluan modal *Higher Loss Absorbency* [HLA] untuk meningkatkan lagi kedayatahanan D-SIBs berkenaan.
13. Dalam bidang pasaran modal, BDCB telah mengeluarkan pindaan terhadap *Notice on Licensing Examination* dan *Guideline on Conducting the Regulated Activity of Giving or Offering Investment Advice* dengan tujuan untuk memberikan penjelasan tentang keperluan yang berkaitan dengan pengendalian perniagaan pelaburan Islam.
14. BDCB juga telah memperkenalkan peruntukan yang memerlukan pengawalseliaan aset maya melalui pindaan terhadap *Notice on Requirement for Payment Systems* dan pengeluaran *Guidelines on Offering and Trading of Security Tokens* bagi memenuhi keperluan *Financial Action Task Force* (FATF) *Recommendation 15* yang ditetapkan oleh Asia/Pacific Group (APG) Mutual Evaluation.
15. Selaras dengan cadangan strategik di bawah *White Paper on the State of FinTech in Brunei Darussalam*, BDCB telah menjadi ahli kepada Global Financial Innovation Network (GFIN)<sup>1</sup> pada bulan Mac 2023. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan hubungan Negara Brunei Darussalam dengan

---

<sup>1</sup> GFIN merupakan sebuah rangkaian hubungan antarabangsa yang keahliannya terdiri daripada pengawalselia-pengawalselia sektor kewangan dan organisasi-organisasi berkaitan yang antaralainnya berperanan untuk menyokong perkembangan inovasi kewangan. GFIN juga merupakan sebuah platform perkongsian dalam bidang inovasi melalui perkongsian pengetahuan, dan menyediakan persekitaran bagi syarikat-syarikat FinTech untuk menguji produk dan perkhidmatan mereka secara rentas sempadan.

ekosistem FinTech di peringkat global dan mempromosikan kerjasama dengan ahli-ahli GFIN yang lain dalam bidang FinTech.

16. BDCB akan terus memantau dan mendukung pembangunan industri kewangan Negara Brunei Darussalam dan ekonomi domestik secara keseluruhan. Mengambil kira cabaran-cabaran dalam ekonomi global dan tekanan dalam pasaran kewangan pada masa ini, BDCB akan terus mengkaji kesesuaian rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan bagi memastikan persekitaran yang kondusif ke arah mendukung perkembangan industri perkhidmatan kewangan, serta memelihara kestabilan monetari dan kewangan Negara Brunei Darussalam.

**Sumber-sumber data:**

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
International Monetary Fund (IMF)